

WARTA

**APR
2023**

CAHAYA

Advokasi

Komuniti

Solidariti

Lestari

SALAM JUANG BUAT SEMUA.
SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITR.
MAAF ZAHIR DAN BATIN DARIPADA SELURUH PASUKAN CAHAYA SOCIETY.

**CAHAYA
SOCIETY**



KENALI KAMI!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



BIKIN APA?



BIKIN SINGKAI

Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh Kelab Alumni Cahaya. Program menyediakan dan mengagihkan 600 bungkus makanan untuk berbuka puasa. Tajaan umum oleh orang ramai. Magsukul!



MESYUARAT BERSAMA BUNGA PAD

Perbincangan bersama untuk memahami advokasi perempuan oleh Bunga Pad melibatkan isu-isu seperti kemiskinan haid di Sabah bagi melihat potensi advokasi yang lebih mampan dan berimpak.



MAJLIS SINGKAI CAHAYA

Program ini adalah program mingguan iaitu aktiviti berbuka puasa bersama komuniti cahaya. Tajaan makanan daripada orang ramai dan tajaan khusus iaitu Dapur Komuniti oleh Iltizam by Ekuinas.



LAWATAN OLEH AZ4G

Lawatan kerja oleh pasukan Allianz4Good (AZ4G) dan Allianz Malaysia adalah untuk memahami advokasi pendidikan alternatif, perbincangan projek bersama dan perancangan untuk kolaborasi pada masa akan datang.

BIKIN APA?



JAMMING SESSION CAHAYA

Aktiviti luar CLC kali ini adalah membawa anak-anak yang berbakat menggunakan instrumen muzik ke Jamming Studio Dons Legacy sebagai pendedahan kepada pendidikan muzik yang lebih interaktif.



PRIHATIN KOMUNITI- RAMADAN UNTUK SEMUA (RUS)

Sepanjang bulan Ramadan, kita telah melancarkan program Prihatin Komuniti iaitu bantuan bekalan asas kepada komuniti rentan yang terdapat dalam pangkalan data kita. Projek ini disokong penuh oleh Allianz Malaysia dan turut ditaja oleh Yayasan Taqwa. Magsukul!



KIT KEMBALI KE SEKOLAH

Kita menghantar kit beg sekolah dan alat tulis ke Pusat Alternatif Cita Budi untuk 20 anak-anak yang belajar di sana. Sokongan ini adalah inisiatif daripada program Prihatin Pendidikan.

BULAN DEPAN, BIKIN APA?

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI

Acara merayakan Aidilfitri yang mulia bersama komuniti cahaya.

LAWATAN KERJA- PFKK

Pasukan implementasi akan menjalan lawatan kerja (worktrip) ke Pantai Barat Sabah untuk mengumpul data dan informasi daripada Pusat Pembelajaran Alternatif bagi tujuan pembangunan modul Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK) yang lebih inklusif dan organik.

PROGRAM PENTADBIRAN BERPUSATKAN ALAM & AMALAN PENJANAAN SEMULA

Kita akan menjadi pembentang untuk topik Komuniti Mandiri dalam program anjuran Forever Sabah Institute ini. 9-11 Mei 2023 bertempat di Kampung Campus, Kampung Tinuhan, Kota Kinabalu. Jumpa di sana.

Sumbangan untuk tujuan advokasi dan program pendidikan alternatif ke:

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah-
CIMB Bank
8603686012



CAHAYA ENTERPRISE-QR

*Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.
Merdeka!*

Media:

Website: cahayasociety.org
Facebook/Instagram/Twitter: Cahaya Society
Email: cahayasociety@gmail.com

Alamat:

Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D,
Tingkat 1, Jalan Leila, 90000 Sandakan,
Sabah

No. Tel (Pejabat):

089 666 915

No. Tel (Admin):

012 828 4775 (Cik. Lia Elyana)



